

## **BEBAN TUGAS DAN MOTIVASI PENGAJARAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH RANAU**

Norashid Bin Othman<sup>1</sup> & Hamzah Bin Md.Omar<sup>2</sup>  
<sup>1</sup>SMK Mat Salleh, Ranau, <sup>2</sup>Universiti Malaysia Sabah

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap beban tugas dan motivasi pengajaran dalam kalangan guru di sekolah menengah daerah Ranau dan hubungan antara kedua-duanya. Beban tugas guru dikategorikan kepada dua, iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Populasi kajian ini ialah 380 orang guru yang bertugas di lima buah sekolah menengah dalam daerah Ranau. Seramai 193 orang guru daripada tiga buah sekolah dipilih secara rawak menjadi sampel kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan melibatkan kaedah tinjauan deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap beban tugas akademik adalah tinggi ( $M=3.79$ ,  $SD=.211$ ), tahap beban tugas bukan akademik adalah tinggi ( $M=4.43$ ,  $SD=.174$ ), tahap beban tugas guru adalah tinggi ( $M=4.11$ ,  $SD=.159$ ) dan tahap motivasi pengajaran guru adalah sederhana ( $M=3.56$ ,  $SD=.538$ ). Keperluan fisiologi pelajar dan penyediaan fizikal bilik darjah perlu dipenuhi terlebih dahulu. Pelajar yang berasa tenang dan selesa kurang menimbulkan masalah disiplin. Bagi guru pula, perkara ini dapat mengurangkan beban tugas mereka dalam menangani masalah disiplin pelajar. Pengurangan beban tugas berkaitan disiplin dapat menyumbang kepada keadaan kerja yang lebih baik kepada guru.*

### **Pengenalan**

Profesion keguruan merupakan profesion yang sungguh mencabar memandangkan tugasnya yang begitu banyak dan tanggungjawabnya yang begitu berat. Di Malaysia, persoalan mengenai tekanan kerja dalam kalangan guru-guru juga menjadi topik penyelidikan. Beban tugas yang banyak telah menimbulkan kerumitan, ketidakpuasan hati dan keletihan emosi kepada guru. Di dalam kelas guru juga terpaksa membuat pelbagai keputusan dalam satu jangka waktu yang singkat (40 hingga 80 minit). Setiap hari seorang guru akan berhadapan dengan 20 hingga 120 orang pelajar dalam kelas yang terdiri daripada 20 hingga 30 orang pelajar. Guru tidak boleh menumpukan perhatian terhadap seorang pelajar sahaja, tetapi kepada semua pelajar dalam kelasnya yang mempunyai kepelbagaian minat, bakat, hambatan pembelajaran, keadaan emosi dan latar budaya. Oleh kerana itu, untuk menumpukan perhatian sekali gus terhadap semua pelajar memerlukan suatu seni kompleks yang tinggi.

Beban tugas guru telah menjadi satu isu sejak lama dulu. Siti Rodziah Kadir (1982) telah membuat kajian tentang persepsi guru-guru yang mengajar Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) di Selangor dan Negeri Sembilan. Guru-guru menyatakan kerumitan yang mereka alami ialah beban tugas yang berat, kekurangan peralatan, kekurangan persiapan mengajar kerana kursus yang diikuti tidak mencukupi, saiz kelas yang besar dan kerja-kerja perkeranian yang dibuat. Kerja-kerja perkeranian ini akan mendatangkan keletihan kepada guru dan boleh mengurangkan masa mengajar guru di dalam kelas serta membuatkan fikiran guru tidak tenteram kerana masanya sentiasa terganggu.

Kajian ini adalah berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Nelms (1993), Teori Motivasi Manusia dan Teori Pelbagai Sumber. Nelms (1993) menyatakan bahawa guru sepatutnya menetapkan masa bekerja mereka selama 50 jam sahaja dalam seminggu walaupun masa itu memang tidak cukup untuk menyelesaikan kesemua tugas mereka. Guru sepatutnya tidak dibebani dengan tugas berkaitan sekolah pada sebelah petang dan hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa untuk keluarga dan keperluan peribadi, namun keadaan ini masih berterusan sehingga kini. Menurut kajian dari Butt dan Lance (2005) mendapati 96% guru bekerja pada waktu petang dan 90% guru bekerja pada hujung minggu. Kajian ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Gunter *et al.* (2005) juga mendapati 95% guru bekerja pada waktu petang selepas waktu persekolahan dan hujung minggu.

Menurut Teori Motivasi Manusia yang diasaskan oleh Frederick Herzberg pada tahun 1966 dengan menghuraikan motivasi manusia dalam dunia pekerjaan mereka. Herzberg telah membentuk teori dwifaktor motivasi (*two-factor theory of motivation*). Kajian ini dilakukan terhadap motivasi pengurus dan pekerja tentang masa dan situasi yang memberi rangsangan untuk bekerja dengan lebih kuat serta masa dan situasi yang menimbulkan kurangnya motivasi untuk bekerja. Kesimpulan dari kajian tersebut didapati lima faktor yang mempengaruhi motivasi seseorang untuk bekerja ialah pencapaian, pengiktirafan, suasana kerja, kemajuan serta tanggungjawab. Manakala faktor yang menyebabkan kurangnya motivasi untuk bekerja ialah penyeliaan, gaji dan imbuhan, suasana di tempat kerja dan hubungan sosial antara sesama pekerja.

Chris Wickens (1984) adalah pengasas Teori Pelbagai Sumber menyatakan bahawa sesuatu beban tugas tidak akan terhasil jika hanya ada satu sahaja pemprosesan sumber, beban tugas akan terhasil jika terdapat banyak pemprosesan sumber dan ianya berlaku secara serentak. Pemprosesan sumber ada kaitannya dengan komponen visual, kognitif, auditori dan psikomotor. Contohnya, jika kita ingin membuat panggilan telefon, proses mendail melibatkan komponen kognitif, iaitu mengingat nombor telefon, komponen visual melibatkan pengguna melihat nombor pada butang kekunci, komponen psikomotor pengguna menekan butang kekunci dengan menggunakan jari manakala komponen auditori pula terjadi bila pengguna mendengar nada bagi setiap butang kekunci yang ditekan. Kesimpulan dari teori ini menunjukkan bahawa jika beban tugas bertambah maka pencapaian serta produktiviti mungkin akan rendah.

## **Masalah Kajian**

Tugas guru bukan hanya mengajar di dalam kelas bahkan guru juga dibebani dengan tugas dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah masing-masing. Abdul Malik (2000), menyatakan bahawa bebanan tugas yang berat, tidak menyempurnakan tugas, dimarahi oleh majikan akan menyebabkan seseorang itu mendapat "*stress*". Ketegangan yang berpanjangan boleh mempengaruhi psikologi seseorang seperti hilang keyakinan, cepat meradang, agresif, fikiran menjadi berstruktur dan hilang daya konsentrasi. Ini juga akan menyebabkan seseorang guru itu kurang bersemangat serta tidak bermotivasi dalam menjalankan tugasnya.

Menurut Sapora Sipon (2007), menyatakan bahawa guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan antara guru dengan pelajar dan juga kualiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran guru itu sendiri. Keadaan ini sekaligus boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan dan ini secara tidak langsung akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang khususnya mutu pendidikan. Tekanan kerja yang tinggi akan membawa kepada rasa tidak puas hati terhadap kerja yang dilakukan dan akhirnya sikap suka

mengelak dan mengabaikan kerja akan terhasil. Ia juga akan menyebabkan suasana kerja yang teruk dan membawa kepada keinginan untuk meninggalkan profesion keguruan.

Zakiah Arshad (2003), memetik laporan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) telah menggesa Kementerian Pendidikan agar dapat menempatkan seorang kaunselor di setiap daerah di negara ini dengan secepat mungkin. Ini dilakukan bertujuan untuk memastikan setiap kaunselor dapat mengenalpasti masalah-masalah yang sering kali dihadapi oleh guru-guru terutama berkaitan dengan tekanan kerja yang sering dihadapi. Antara laporan tersebut menjelaskan rasa bimbang terhadap guru-guru yang sering terbabit dengan tekanan kerja akan menghadapi tekanan yang lebih besar seperti masalah mental dan sebagainya. Menurut pihak NUTP lagi, guru-guru sering mengadu tidak tahan dengan tahap tekanan kerja yang tinggi, persekitaran kerja, masalah kewangan dan keluarga.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dikatakan dapat meringankan beban tugas guru serta menjadikan sistem pendidikan kita tidak lagi berorientasikan peperiksaan semata-mata. Guru-guru pula tidak lagi berasa tertekan untuk menghabiskan sukatan pelajaran kerana mengejar peperiksaan. Namun, kedengaran juga rungutan daripada guru-guru bahawa PBS ini menyebabkan beban kerja guru bertambah. Dapatan penyelidikan Profesor Madya Dr. Faizah binti Abdul Majid, dari Fakulti Pendidikan UiTM yang diterbitkan dalam *Journal of US-China Education Review, Vol.8, No.10, 2011. ISSN1548-6613* memberikan perspektif asas tentang pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Malaysia dan cabaran yang bakal dihadapi. Menurut beliau lagi, PBS belum sampai ke tahap pelaksanaan penuh. Bagi memastikan bahawa pihak sekolah akur dengan konsep PBS, pengetua dikehendaki menyediakan sistem data dan fail yang berfungsi sebagai bukti hitam putih hasil kerja setiap orang murid. Bilangan fail mungkin mencecah angka ribu dan puluhan unit almari untuk penyimpanan fail berkenaan. Ini secara tidak langsung ianya dikatakan membebaskan guru. Tugas-tugas guru yang sedia banyak akan dibebankan lagi dengan pelbagai jenis folio dan dokumen berkaitan yang perlu disediakan dan dilaksanakan. Bilangan pelajar yang ramai juga menyebabkan guru tidak cukup masa untuk melaksanakan PBS dengan sistematik. Guru juga boleh dilabel sebagai “kerani” dengan bebanan tugas yang banyak ini.

Oleh itu kajian ini sangat penting dijalankan di daerah Ranau untuk mengetahui tahap beban tugas guru dan tahap motivasi pengajaran guru di bilik darjah, kerana secara logiknya guru hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi bagi mencapai tahap keberkesanan pengajaran yang maksimum.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui jumlah masa yang digunakan oleh guru untuk menjalankan tugas akademik dan bukan akademik, membuat perbandingan antara beban tugas guru dari segi akademik dan bukan akademik serta tugas rutin dan tugas bermusim dan mengenal pasti tahap motivasi pengajaran guru dalam bilik kelas.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Meninjau beban tugas akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau.
- ii. Meninjau beban tugas bukan akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau.
- iii. Meninjau beban tugas guru di sekolah menengah daerah Ranau.
- iv. Meninjau tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau.

## Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap beban tugas akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau?
- ii. Apakah tahap beban tugas bukan akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau?
- iii. Apakah tahap beban tugas guru di sekolah menengah daerah Ranau?
- iv. Apakah tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau?


## Signifikan Kajian

Beban tugas guru telah menjadi satu isu sejak lama dulu. Dapatan dari kajian lalu menunjukkan adanya kerumitan guru dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, membimbing dan melatih pelajar. Beban tugas yang banyak telah menimbulkan kerumitan, ketidakpuasan hati dan keletihan emosi kepada guru.

Melalui kajian ini juga dapat ditinjau tentang hubungan antara tahap motivasi pengajaran guru dengan bebanan tugas yang dipikul oleh guru tersebut adakah saling berkait. Jika didapati tahap motivasi pengajaran guru semakin menurun akibat dari beban tugas yang dipikul oleh guru maka nyatalah di sini bahawa matlamat pendidikan negara tidak tercapai matlamatnya. Dalam kajian ini juga dapat dikenal pasti tentang pengaruh beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik terhadap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah dalam daerah Ranau. Hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada pihak sekolah dalam membuat perancangan serta pengagihan tugas guru secara lebih adil. Pihak sekolah perlu mengutamakan tugas guru mengajar di dalam kelas berbanding tugas-tugas yang lainnya.

## Kerangka Konsep

Kerangka konsep dalam Rajah 1 menunjukkan beban tugas guru di sekolah menengah daerah Ranau sebagai pemboleh ubah bebas tidak bersandar dalam kajian ini. Beban tugas guru dibahagikan kepada dua bentuk iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Beban tugas akademik guru dikelaskan kepada tiga komponen iaitu tugas mengajar harian, tugas pelajar dan tugas ujian serta peperiksaan. Terdapat tiga komponen juga pada beban tugas bukan akademik iaitu urusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal pelajar dan juga urusan kokurikulum. Di samping mengkaji tentang beban tugas yang dipikul oleh guru, kajian ini juga meninjau tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau.



## **RAJAH 1: Model Kerangka Konsep**

### **Definisi Konsep**

Beberapa perkataan atau istilah yang digunapakai dalam kajian ini dinyatakan definisinya seperti berikut:

### ***Beban Tugas Guru***

Beban tugas guru boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik.

#### **i. Beban tugas akademik**

Beban tugas akademik guru dalam kajian ini lebih terarah kepada tugas-tugas utama guru iaitu berkaitan dengan persediaan rancangan pengajaran harian, pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (P&P) serta membuat refleksi sendiri selepas selesai setiap P&P. Selain tugas yang dinyatakan itu, guru juga bertanggungjawab dalam menyediakan tugas kepada para pelajar serta menyemak kerja pelajar. Tugas guru yang lain juga adalah seperti membuat penilaian dan pelaporan ujian serta peperiksaan dalaman untuk para pelajar. Secara kesimpulannya, beban tugas guru pada bahagian tugas akademik adalah meliputi tiga bahagian iaitu mengajar, memberi tugas kepada para pelajar dan mengendalikan ujian serta peperiksaan.

#### **ii. Beban tugas bukan akademik**

Beban tugas akademik guru dalam kajian ini meliputi tiga bahagian iaitu pengurusan pentadbiran, hal ehwal murid serta pengurusan kokurikulum. Beban tugas yang dikaji dalam kajian ini ialah beban tugas rutin seorang guru yang sering dilakukan setiap hari di sekolah. Liew Siew Fong (2004) dalam kajiannya mendapati faktor kualiti pengurusan paling penting dalam hubungannya dengan motivasi kerja berbanding dengan faktor gaji yang tidak mempunyai hubungan yang bermakna dengan motivasi kerja. Pekerja-pekerja yang lebih berpendidikan tinggi didapati lebih bermotivasi dalam bekerja berbanding dengan pekerja-pekerja yang rendah tahap pendidikannya.

### ***Motivasi Pengajaran Guru***

Menurut Mohd. Sahandri Gani B. Hamzah (1998), motivasi merujuk kepada tindakan, arah, intensiti dan *persistence* tingkah laku. Dalam menilai motivasi pengajaran guru, hanya dua aspek yang dinilai iaitu motivasi dalam aspek penyampaian pengajaran dan refleksi serta perwatakan seorang guru. Panduan menilai motivasi pengajaran ini diambil berpandukan dari Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang disediakan oleh Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah dikeluarkan pada tahun 2003. Kedua-dua aspek yang diukur ini adalah di bawah kawalan guru sepenuhnya dalam pengajarannya. Motivasi pengajaran khususnya guru di sekolah menengah adalah merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Tahap motivasi pengajaran guru dibahagikan kepada empat bahagian iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi.

### ***Sekolah Menengah***

Sekolah menengah merujuk kepada sekolah menengah daerah Ranau yang melaksanakan Jadual Waktu Bersepadu bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 1.00 petang. Sepanjang tempoh guru

berada di sekolah dengan tugas akademik, guru juga terpaksa memegang pelbagai jenis jawatan lain sama ada dalam bidang bukan akademik seperti ketua panitia dan jawatankuasa panitia, hal ehwal murid seperti disiplin, kebajikan, kesihatan, rancangan makanan tambahan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengannya. Ini belum lagi termasuk dengan tugas-tugas dalam bidang kokurikulum, iaitu sebagai guru penasihat, guru pemimpin, jurulatih sukan, guru rumah sukan dan sebagainya.

## **Metodologi**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana ianya melibatkan saiz sampel yang besar. Kaedah kajian secara tinjauan deskriptif dilakukan terhadap lima buah sekolah menengah dalam daerah Ranau yang dipilih memandangkan ianya sesuai digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan Mohd. Majid (2004). Selain itu, penyelidik menggunakan kajian soal selidik yang digunakan bagi mengumpul data daripada responden tentang beban tugas guru dan tahap motivasi pengajaran mereka di sekolah menengah dalam daerah Ranau.

Dalam penyelidikan ini, instrumen kajian yang akan digunakan ialah secara soal selidik. Soal selidik ini meliputi dua bahagian utama. Bahagian I mengandungi item yang mengukur beban tugas guru, iaitu dari segi beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Bagi tujuan itu, penyelidik menggunakan item daripada *School and Staffing Survey (SASS)* (*National Centre for Education Statistics, 2007*) dan item dalam soal selidik yang disediakan oleh Mohd. Saudi (1999) yang kemudiannya telah diubah suai mengikut keperluan kajian ini.

Terdapat 26 item soal selidik telah disediakan untuk mengukur tahap beban tugas guru dari segi akademik, 13 item daripadanya adalah berkaitan dengan tugas mengajar, 7 item berikutnya berkaitan dengan tugas kepada pelajar dan selebihnya 6 item berkaitan dengan pelaksanaan ujian dan peperiksaan di sekolah. Dapatkan daripada soal selidik ini adalah untuk menjawab soalan pertama kajian ini. Seterusnya terdapat 21 item lagi yang dibina untuk mengukur tahap beban tugas bukan akademik, yakni 7 item daripadanya berkaitan dengan tugas pengurusan pentadbiran, 8 item lagi berkenaan dengan pengurusan hal ehwal murid dan disiplin pelajar serta 6 item terakhir berkaitan tentang pengurusan kokurikulum di sekolah bagi menjawab soalan kedua kajian. Bagi memudahkan responden menjawab soal selidik yang diberikan, item dalam Bahagian I ini telah dikemukakan mengikut kategori masa pelaksanaan tugas tersebut, iaitu semasa dan selepas persekolahan serta pada hujung minggu.

Seterusnya bagi mengenal pasti tahap motivasi pengajaran guru, penyelidik telah menggunakan aspek kualiti daripada elemen pengajaran dan pembelajaran dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dengan menyediakan 12 item soalan dalam Bahagian II bagi menjalankan soal selidik kajian. Dapatkan daripada bahagian ini akan digunakan untuk menjawab soalan kajian keempat. Item tersebut berkaitan dengan aspek penyediaan rancangan pengajaran dan refleksi, penyampaian isi pengajaran dan perwatakan guru. Manakala untuk mengukur respon yang diberikan oleh responden terhadap sesuatu item pula, penyelidik telah menggunakan kaedah Skala Likert yang telah diubah suai mengikut kesesuaian item yang telah dikemukakan.

### ***Persampelan***

Kajian ini melibatkan guru-guru yang berkhidmat di sekolah menengah dalam daerah Ranau. Terdapat lima buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini (Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, 2007). Tiga buah sekolah daripada lima buah sekolah menengah dalam daerah Ranau dipilih secara rawak mudah. Jumlah populasi ialah 380 orang guru yang dipilih untuk kajian ini dan sampel kajian seramai 193 orang guru yang dipilih untuk kajian ini tidak termasuk pihak pentadbiran.

Kemudian, teknik persampelan rawak mudah ini akan digunakan sekali lagi bagi mendapatkan sampel kajian sebenar dari setiap sekolah yang telah dipilih. Jenis persampelan ini digunakan kerana populasi sebenar yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam Mohd. Majid (2004) iaitu guru-guru dari sekolah menengah dalam daerah Ranau. Daripada ketiga-tiga buah sekolah tersebut, seramai 193 orang guru telah memberi komitmen sebagai responden yang telah melebihi bilangan minimum sampel bagi mewakili populasi kajian.

### ***Prosedur Pentadbiran Ujian***

Sebelum kajian ini dilaksanakan dalam kalangan guru-guru di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Ranau yang terpilih, penyelidik terlebih dahulu akan memohon kebenaran daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Setelah mendapat kelulusan daripada pihak BPPDP, barulah kebenaran untuk menjalankan kajian akan dipohon pula daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS).

Seterusnya, penyelidik berjumpa dengan pihak pentadbiran sekolah sama ada pengetua, penolong kanan pentadbiran, penolong kanan HEM atau penolong kanan kokurikulum untuk meminta kebenaran menjalankan kajian di sekolah masing-masing. Penyelidik meminta bantuan daripada pihak kaunselor sekolah dan rakan-rakan guru untuk mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru yang terlibat. Sebelum responden menjawab soal selidik, penyelidik terlebih dahulu memberikan sedikit taklimat ringkas bagi menjelaskan tujuan kajian tersebut dibuat dan cara-cara untuk responden memberikan respon terhadap semua item yang terkandung di dalam soal selidik yang diedarkan. Responden diberikan masa yang secukupnya untuk memberi respon mereka terhadap item-item dalam soal selidik. Seterusnya penyelidik mengutip kembali soal selidik daripada responden pada hari yang sama.

### ***Analisis Data***

Data yang telah dikutip dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 17.0. Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga dan keempat analisis secara statistik deskriptif digunakan kerana ia dapat memerihalkan data tersebut dalam nilai skor min. Analisis tersebut perlu untuk menilai tahap beban tugas akademik, beban tugas bukan akademik, beban tugas guru secara keseluruhan dan tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah dalam daerah Ranau. Bagi menentukan tahap beban tugas guru dan tahap motivasi pengajaran guru, penyelidik akan menetapkan julat skor min tertentu berdasarkan skala yang pernah dibuat oleh Norasmah dan Hariyaty (2006).

**JADUAL 1:** Interpretasi Skor Min Tahap Beban Tugas Dan Tahap Motivasi Pengajaran Guru

<b>Min</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana

### Dapatan Kajian

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 17.0. Analisis data ini dapat dikategorikan kepada analisis deskriptif beban tugas akademik, beban tugas bukan akademik, beban tugas guru dan motivasi pengajaran guru. Seterusnya analisis inferensi digunakan untuk mengetahui hubungan antara beban tugas dengan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau.

Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan di tiga buah sekolah menengah di daerah Ranau. Daripada sejumlah borang soal selidik yang telah diedarkan, hanya 193 daripadanya atau 77.2 % telah berjaya dikutip kembali untuk diproses bagi tujuan mendapatkan data berkaitan beban tugas guru dan motivasi pengajaran mereka di sekolah. Jumlah soal selidik yang berjaya dikutip semula ini pada dasarnya sudah melebihi daripada bilangan minimum responden yang diperlukan untuk kajian bagi mewakili populasi kajian ini.

Pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan skor-skor yang diperolehi daripada jawapan keseluruhan aspek. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan data dengan peratusan sebagai penilaian statistik. Profil para responden dalam kajian ini terdiri daripada 193 orang guru iaitu 81 orang guru lelaki (42%) dan 112 orang guru wanita (58%). 23.3% daripadanya berumur 25 tahun dan 31% berumur 30 tahun. Manakala baki yang selebihnya adalah sebanyak 19.7% yang berumur 33 tahun dan 26% yang berumur 35 tahun. Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berusia dalam lingkungan 30 tahun ke bawah. Dari segi penempatan pula, sebanyak 76.7% atau pun seramai 148 orang guru yang tinggal di rumah sendiri di kawasan perkampungan berdekatan. Dan yang selebihnya sebanyak 23.3% atau 45 orang guru lagi tinggal di rumah guru.

**JADUAL 2:** Bilangan Responden

Jantina	<i>f</i>	%
Lelaki	81	42
Perempuan	112	58
<b>Jumlah</b>	<b>193</b>	<b>100</b>

**JADUAL 3:** Analisis Komponen Mengajar

Item	Butiran	Min	Sisihan Piawai
A1	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan rancangan pengajaran harian.	4.43	.668
A2	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menyediakan rancangan pengajaran harian	3.91	.789
A3	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM).	3.72	.807
A4	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM).	3.09	.723



A5	Tempoh persekolahan di sekolah ini menyebabkan tumpuan saya terhadap pengajaran berkurangan.	3.40	1.087
A6	Masa mengajar melebihi enam waktu sehari membebankan saya.	3.75	1.147
A7	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk membuat refleksi pengajaran.	3.43	1.149
A8	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menghadiri mesyuarat kurikulum dan mesyuarat panitia.	2.91	.583
A9	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menghadiri program peningkatan profesionalisme berkaitan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran.	2.68	.670
A10	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menghadiri program peningkatan profesionalisme berkaitan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran.	3.30	.873
A11	Tempoh masa persekolahan di sekolah ini memberi saya masa yang mencukupi untuk membimbing pelajar dalam pembelajarannya. (Tempoh masa persekolahan di sekolah ini memberi saya yang mencukupi untuk membimbing pelajar dalam pembelajarannya)	4.07	.571
<b>Keseluruhan komponen mengajar</b>		<b>3.51</b>	<b>.261</b>

**JADUAL 4:** Analisis Komponen Tugas Pelajar

Item	Butiran	Min	Sisihan Piawai
T1	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk memastikan kesesuaian tugas yang diberikan kepada pelajar.	3.73	.575
T2	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk memastikan kesesuaian tugas yang diberikan kepada pelajar.	3.72	.712
T3	Bilangan pelajar di dalam sesebuah kelas yang melebihi 40 orang membebankan saya untuk menyemak tugas mereka.	3.86	1.01
T4	Tanggungjawab menyemak tugas pelajar mengambil sebahagian besar waktu tidak mengajar saya di sekolah.	3.41	.981
T5	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyemak tugas pelajar.	4.27	.590
T6	Saya membawa pulang tugas pelajar untuk disemak.	3.35	.787
T7	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menyemak tugas pelajar.	3.57	.748
<b>Keseluruhan komponen tugas pelajar</b>		<b>3.70</b>	<b>.265</b>

**JADUAL 5:** Analisis Komponen Ujian Dan Peperiksaan

Item	Butiran	Min	Sisihan Piawai
U1	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan kertas soalan ujian dan peperiksaan.	3.72	1.183

U2	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menyediakan kertas soalan ujian dan peperiksaan.	3.52	.662
U3	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyemak kertas ujian dan peperiksaan.	3.76	1.175
U4	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk menyemak kertas ujian dan peperiksaan.	3.59	.680
U5	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyiapkan laporan ujian dan peperiksaan (seperti memasukkan markah dalam komputer serta membuat ulasan pencapaian pelajar).	4.02	.973
U6	Tanggungjawab saya berkaitan ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah merupakan tugas rutin guru yang tidak membebankan. (Tanggungjawab saya berkaitan ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah merupakan tugas rutin guru yang membebankan)	3.43	.645
<b>Keseluruhan komponen ujian dan peperiksaan</b>		<b>3.67</b>	<b>.409</b>

**JADUAL 6:** Analisis Beban Tugas Akademik

Bil	Komponen Beban Tugas Akademik	Min	Sisihan Piawai
1	Mengajar	3.71	.261
2	Tugasan pelajar	4.08	.265
3	Ujian dan peperiksaan	3.57	.409
<b>Beban tugas akademik</b>		<b>3.78</b>	<b>.211</b>

**JADUAL 7:** Analisis Komponen Pengurusan Hal Ehwal Murid (Aspek Disiplin)

Item	Butiran	Min	Sisihan piawai
D1	Tempoh persekolahan di sekolah ini menyebabkan tugas mengawal pelajar di dalam kelas menjadi semakin mencabar.	3.37	1.04
D2	Saya memastikan pelajar di bawah kawalan saya mematuhi peraturan sekolah.	3.78	.522
D3	Masalah disiplin pelajar yang sering berlaku di dalam kelas dan sering mengganggu proses pengajaran.	3.48	.648
D4	Saya terlibat dalam pengendalian masalah disiplin pelajar.	2.88	.983
D5	Saya menghadiri mesyuarat berkaitan masalah disiplin pelajar yang diadakan selepas masa persekolahan.	3.06	.973
<b>Keseluruhan komponen disiplin pelajar</b>		<b>3.31</b>	<b>.278</b>

**JADUAL 8:** Analisis Komponen Pengurusan Pentadbiran

Item	Butiran	Min	Sisihan piawai
P1	Saya menjadi guru ganti apabila ada guru yang tidak hadir ke sekolah	2.67	.470
P2	Penyediaan dokumentasi berkaitan hal pengurusan pentadbiran membebaskan saya.	3.96	.685
P3	Saya menghadiri mesyuarat berkaitan pengurusan pentadbiran yang diadakan selepas masa persekolahan	3.20	.771
P4	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan dokumentasi seperti kertas kerja dan lain lain.	3.24	1.01
P5	Saya menghadiri program peningkatan profesionalisme berkaitan pengurusan pentadbiran selepas waktu persekolahan.	2.82	.656
P6	Saya menggunakan masa saya pada hujung minggu untuk menyiapkan tugas berkaitan pengurusan pentadbiran sekolah.	4.34	.609
P7	Tugas yang diamanahkan kepada saya berkaitan pengurusan pentadbiran menjadikan saya seorang guru yang bertanggungjawab.	3.47	1.04
<b>Keseluruhan komponen pengurusan pentadbiran</b>		<b>3.38</b>	<b>.242</b>

**JADUAL 9:** Analisis Komponen Pengurusan Kokurikulum

Item	Butiran	Min	Sisihan piawai
K1	Tugas sebagai guru penasihat persatuan/kelab memerlukan saya mengawal selia perjalanan persatuan/kelab supaya berjalan lancar membebaskan saya.	3.26	.663
K2	Tugas sebagai guru penasihat memerlukan saya sentiasa memantau keselamatan pelajar di bawah kawalan.	3.94	1.14
K3	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk melatih/mengurus pelajar bagi menyertai pertandingan yang disertai oleh pihak sekolah.	2.91	.555
K4	Saya menggunakan masa pada hujung minggu untuk melatih/mengurus pelajar bagi menyertai pertandingan yang disertai oleh pihak sekolah.	4.06	.551
K5	Saya menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan laporan aktiviti kokurikulum bagi tujuan dokumentasi.	3.30	.828
K6	Kegiatan kokurikulum yang saya kendalikan memberi peluang kepada saya untuk berekreasi.	3.48	.695
<b>Keseluruhan komponen pengurusan pentadbiran</b>		<b>3.49</b>	<b>.285</b>

**JADUAL 10: Analisis Beban Tugas Bukan Akademik**

<b>Bil</b>	<b>Komponen Beban Tugas Bukan Akademik</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1	Pengurusan hal ehwal murid (disiplin pelajar)	4.45	.278
2	Pengurusan pentadbiran	4.42	.242
3	Pengurusan kokurikulum	4.40	.285
	<b>Beban tugas bukan akademik</b>	<b>4.42</b>	<b>.174</b>

**JADUAL 11: Analisis Beban Tugas Guru**

<b>Bil</b>	<b>Komponen Beban Tugas Guru</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1	Beban tugas akademik	3.79	.211
2	Beban tugas bukan akademik	4.42	.174
	<b>Beban tugas guru</b>	<b>4.11</b>	<b>.159</b>

**JADUAL 12: Analisis Motivasi Pengajaran Guru**

<b>Item</b>	<b>Butiran</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
Q1	Menyediakan Rancangan Pengajaran Tahunan berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran terkini.	4.09	.769
Q2	Menyediakan rancangan pengajaran harian yang mengandungi objektif, aktiviti dan refleksi.	3.82	.717
Q3	Menyampaikan pengajaran dengan mengamalkan pendekatan berasaskan prinsip pengajaran asas sepanjang pengajaran.	3.73	.692
Q4	Menyampaikan pengajaran dengan menggunakan bahasa yang mudah sepanjang pengajaran dilaksanakan.	3.68	.646
Q5	Menyampaikan pengajaran dengan melaksanakan aktiviti mengikut tahap kebolehan pelajar	3.65	.604
Q6	Menyampaikan pengajaran dengan mengutamakan pendekatan berpusatkan pelajar.	3.62	.635
Q7	Menggunakan masa mengajar yang diperuntukkan secara maksima.	3.45	.676
Q8	Berinteraksi secara spontan semasa mengajar	3.60	.579
Q9	Bersifat mudah mesra, sedia membimbing pelajar dan mudah didekati semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	3.54	.559
Q10	Berusaha mewujudkan suasana riang untuk merangsang pembelajaran murid	3.50	.587
Q11	Berusaha untuk mengenali semua pelajar di dalam kelas	3.08	.687

Q12	Prihatin terhadap segala keperluan pelajar	2.93	.633
<b>Keseluruhan motivasi pengajaran guru</b>		<b>3.55</b>	<b>.538</b>

**JADUAL 13:** Rumusan Ujian Keseluruhan Kajian Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau

Item	Soalan Kajian	Dapatan	Min	Sisihan Piawai
1	Apakah tahap beban tugas akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau?	Tahap beban tugas akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi	3.78	.211
2	Apakah tahap beban tugas bukan akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau?	Tahap beban tugas bukan akademik guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi	4.42	.174
3	Apakah tahap beban tugas guru di sekolah menengah daerah Ranau?	Tahap beban tugas guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi	4.11	.159
4	Apakah tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau?	Tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah sederhana	3.55	.538

## Dapatan

### *Tahap Beban Tugas Akademik Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau*

Secara keseluruhannya, tahap beban tugas akademik dalam kalangan guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi. Bagi komponen beban tugas mengajar, item yang mempunyai skor min yang paling tinggi ialah guru menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan rancangan pengajaran hariannya, iaitu bernilai 4.43 (SD=.668). Walau bagaimanapun, skor min keseluruhan bagi tugas mengajar ialah 3.51 (SD=.261). Sewajarnya guru tidak perlu menggunakan masa selepas waktu persekolahan untuk menyediakan rancangan pengajaran harian atau pun refleksinya. Ini selaras dengan panduan oleh *National Union of Teacher* (NUT) (2006) yang memperuntukkan 2 jam 30 minit seminggu untuk membuat persediaan dan juga refleksi pengajaran dan pembelajaran dalam waktu persekolahan. Oleh hal yang demikian, dapatan kajian bagi perkara ini adalah bercanggah dengan garis panduan yang disediakan oleh NUT (2006).

Item bagi guru membimbing pelajar dengan tempoh persekolahan yang panjang merupakan bebanan kepada para guru dan ini merupakan item dengan skor min kedua tertinggi, iaitu 4.07 (SD=.571). Masa mengajar melebihi enam waktu sehari merupakan item dengan skor ketiga tertinggi, iaitu min 3.75 (SD=1.14) dan sememangnya membebankan para guru. Keadaan ini berpadanan dengan panduan *National Union of Teacher* (NUT) (2006) yang telah menetapkan masa mengajar guru selama empat jam sehari. Setiap satu waktu mengajar di sekolah menengah adalah bersamaan dengan 40 minit, maka enam waktu mengajar ialah bersamaan dengan 240 minit. Oleh kerana itu, guru sepatutnya tidak diberi tanggungjawab untuk mengajar melebihi enam waktu sehari.

Secara keseluruhannya nilai min dalam komponen ujian dan peperiksaan berada pada tahap sederhana, iaitu 3.67 (SD=.409). Hal ini adalah disebabkan oleh tanggungjawab guru dalam ujian dan peperiksaan merupakan tugas rutin yang bermusim. Berlainan pula dengan komponen tugas pelajar yang mempunyai nilai keseluruhan skor min pada tahap tinggi. Didapati guru sangat terbeban dalam kerja-kerja penyemakan tugas pelajar yang melebihi 40 orang pelajar di dalam sesebuah kelas yang diajar. Hasil dapatan ini selaras dengan pernyataan Nelson (1994) dan juga menepati panduan dari *National Council of Teachers of English* (NCTE). Kedua-dua sumber ini menyatakan bahawa saiz kelas yang besar akan meninggalkan impak yang besar kepada guru. NCTE juga telah mengelaskan bahawa beban tugas guru akan meningkat jika mempunyai saiz kelas yang besar terutama hal-hal berkaitan dengan pengurusan kelas dan juga penyemakan tugas pelajar. Ada juga sesetengah sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas sehinggalah melebihi 30 orang pelajar sekelas. Ini bertentangan dengan saranan NUT (2006) yang menyatakan bahawa bilangan pelajar dalam sebuah kelas biasa ialah 30 orang sahaja.

### ***Tahap Beban Tugas Bukan Akademik Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau***

Tahap beban tugas bukan akademik dalam kalangan guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi dengan nilai min 4.42 (SD=.174). Pengurusan berkaitan hal ehwal murid terutama soal disiplin pelajar merupakan beban tugas yang paling tinggi, iaitu bernilai 4.45 (SD=.278) jika dibandingkan dengan beban tugas pengurusan pentadbiran atau pun pengurusan kokurikulum. Sejarar dengan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) yang menyatakan bahawa semua guru harus bertindak sebagai guru disiplin. Ini amat bersesuaian dengan soal disiplin yang adakalanya amat mencabar terutama dalam soal mengawal pelajar yang mempunyai bilangan yang ramai di dalam kelas. Gerak-geri pelajar perlu sentiasa dikawal dan diperhatikan agar dapat diwujudkan suasana harmoni dan selesa di sekolah. Perkara ini bertepatan dengan saranan Abdullah Sani (2006) yang menyebut bahawa guru perlulah mengawal disiplin pelajar bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar serta terurus.

Dalam pada itu, komponen beban tugas pengurusan pentadbiran dengan nilai min 4.42 (SD=.242) dan pengurusan kokurikulum juga berada pada tahap tinggi, iaitu dengan nilai min 4.40 (SD=.285). Hasil kajian menunjukkan bahawa tanggungjawab guru dalam pengurusan pentadbiran dan pengurusan kokurikulum turut dilaksanakan sehingga selepas waktu persekolahan dan juga sehingga ke hujung minggu. Walaupun National Union Teacher (NUT) (2006) menyatakan bahawa tugas tersebut sebagai tugas professional, namun disarankan agar tugas itu diselesaikan dalam tempoh waktu persekolahan. Ini bermaksud, dapatan kajian ini bercanggah dengan panduan yang telah digariskan dalam NUT (2006).

### ***Tahap Beban Tugas Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau***

Oleh kerana beban tugas guru merangkumi kedua-dua beban tugas akademik dan bukan akademik, maka penyelidik menggabungkan kedua-dua beban tugas ini sebagai satu pemboleh ubah. Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa tahap beban tugas dalam kalangan guru di sekolah menengah daerah Ranau adalah tinggi dengan nilai min 4.11 (SD=.159). Hasil dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd. Saudi (1999) dan Abdull Sukor *et al.* (2006) menunjukkan bahawa beban tugas guru adalah tinggi. Hasil dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Easthope dan Easthope (2000) yang turut bersetuju bahawa

beban tugas guru di Australia telah meningkat, Ini disebabkan oleh lanjutan masa bekerja, mengajar di dalam kelas yang bersaiz besar serta penambahan tugas-tugas pentadbiran dan profesional.

Guru di sekolah menengah dalam daerah Ranau mengalami beban tugas yang tinggi kerana banyak tugas perlu dilakukan seperti menjadi guru disiplin, menggantikan guru yang tidak hadir bertugas, kerja-kerja perkeranian, menjadi jurulatih sukan, mengiring pelajar ke pertandingan yang disertai oleh pihak sekolah serta banyak lagi tugas-tugas lain yang terpaksa dipikul oleh guru. Menurut Teori Pelbagai Sumber oleh Chris Wickens yang menyatakan bahawa beban tugas tidak akan terhasil daripada satu pemprosesan sumber tetapi sebaliknya daripada beberapa pemprosesan sumber secara serentak Keller (2002). Semasa waktu persekolahan rasmi, guru perlu mendidik, menjaga kebajikan pelajar, menjaga keselamatan, mengawal disiplin serta memahami psikologi para pelajar. Tugas mengajar akan menjadi lebih mencabar apabila ada sebilangan pelajar merasa bosan, letih, bising serta masalah disiplin lain. Selepas waktu persekolahan, guru perlu menyiapkan tugas akademik dan tugas bukan akademik yang telah diamanahkan kepada mereka. Beban tugas guru di luar waktu persekolahan ada kalanya tidak disadari oleh masyarakat sekeliling terutama yang bukan bergelar pendidik.

Guru menggunakan masa selepas waktu persekolahan dan pada hujung minggu untuk melakukan tugas mereka, ini selari dengan hasil dapatan kajian Butt dan Lance (2005) dan Gunter *et al.* (2005). Nelms (1993) menyatakan bahawa guru tidak wajar dibebani dengan pelbagai tugas berkaitan pelajar pada waktu petang dan hujung minggu kerana guru perlukan masa untuk perkembangan profesional dan keperluan peribadi. Namun perkara sebegini masih lagi berlaku sehingga ke hari ini.

### ***Tahap Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau***

Tahap motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.55 (SD=.538). Hanya satu item berkaitan dengan menyediakan Rancangan Pengajaran Tahunan berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran terkini berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.09 (SD=.769). Ini menunjukkan bahawa guru sangat mematuhi arahan Kementerian Pelajaran Malaysia (1986) yang menegaskan bahawa guru perlu mempunyai Rancangan Pengajaran Tahunan terkini agar menepati ciri kualiti aspek rancangan pengajaran dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Dari aspek rancangan pengajaran harian, didapati guru memastikan rancangannya mengandungi objektif, cadangan aktiviti dan refleksi pengajarannya. Perkara ini seperti yang telah disarankan oleh Saedah dan Nurhayati (2006) yang menekankan kepentingan mengenal pasti objektif pengajaran dalam rancangan pelajaran dan membuat penilaian atau refleksi selepas setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

Dalam aspek penyampaian pengajaran, hasil dapatan menepati Model QAIT (*Quality, Appropriate, Incentive and Time*) Slavin kerana guru mengaplikasikan keempat-empat komponen pengajaran berkesan yang terkandung dalam model tersebut. Dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan kajian Mohd Yusof (2002) yang menunjukkan Model Amalan Pengajaran Berkesan ini telah digunakan oleh kebanyakan guru dalam kajiannya. Kedua-dua aspek rancangan pengajaran dan refleksi serta penyampaian pengajaran ini secara langsungnya juga telah memenuhi Kitaran PDCA (*Plan, Do, Check and ACT*). Guru mengamalkan perancangan yang teliti sebelum melaksanakan pengajarannya, membuat refleksi terhadap pengajaran yang telah dilaksanakan dan seterusnya boleh mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap pengajaran dan pembelajaran mereka.

Dari aspek perwatakan guru, didapati guru mengamalkan interaksi yang bersopan, mesra, mudah didekati, sedia membantu pelajar serta berusaha mewujudkan suasana yang merangsang pembelajaran di dalam kelas. Guru juga berusaha untuk mengenali semua pelajar dan prihatin terhadap keperluan pelajar seperti yang ditegaskan oleh Lumpkin (2007) supaya guru perlu mengetahui nama pelajar dan latar belakangnya, mengenal pasti tahap pelajar dalam pembelajarannya, menerapkan komitmen terhadap pembelajaran dalam kalangan pelajarannya dan memudahkan pembelajaran pelajar sama ada di dalam atau di luar kelas. Keadaan ini menunjukkan guru mempunyai pengetahuan, kemahiran dan motivasi semasa menyampaikan pengajarannya, iaitu menepati Teori Komunikasi Kecekapan selain daripada bijak mengubah bentuk komunikasi pada situasi yang berbeza untuk mencapai matlamat komunikasi iaitu memenuhi Teori Konstruktivisme.

## **Kesimpulan**

Kajian mendapati tahap motivasi pengajaran guru hanya berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, guru masih memberi keutamaan dalam memelihara kualiti pengajarannya walaupun sibuk dengan tugas-tugas lain di sekolah. Beban tugas guru sama ada beban tugas akademik, beban tugas bukan akademik atau beban tugas secara keseluruhan mempunyai hubungan yang negatif dengan motivasi pengajaran guru. Dapatlah dirumuskan bahawa semakin tinggi beban tugas guru semakin rendah tahap motivasi pengajaran guru di dalam kelas. Apabila beban tugas dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi, serta mempengaruhi tahap motivasi guru terhadap pengajarannya, maka perkara ini perlu diteliti semula. Hal ini selaras dengan Webb (1955) yang menjelaskan bahawa polisi di Amerika Syarikat yang menghendakkan guru dan pelajar berada lama di sekolah tidak akan memberi satu jaminan akan menghasilkan keputusan dan pencapaian yang lebih baik dalam kalangan para pelajarannya.

## **Rujukan**

- Abdul Malik Abd Rahman. 2000. *Manusia dan stress*. Buletin Akademik. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 (10-11)
- Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romlee dan Mohamad Yazid Kerya. 2006. *Beban tugas guru sekolah rendah*. Seminar kebangsaan kepimpinan dan pengurusan sekolah. 12-14 Februari. Alson Kelana Resort, Seremban.
- Abdullah Sani Yahya. 2006. *Mengurus disiplin pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Butt, G. dan Lance, A. 2005. Secondary Teacher Workload and Job Satisfaction. *Educational Management Administration and Leadership*. 33(4):401-422.
- Chris Wickens. 1984. Multiple Resource Theory and Consumer Processing of Broadcast Advertisements: An Involvement Perspective. *Journal of Advertising*. Volume XX, Number 3 September 1991.
- Easthope, C. dan Easthope, G. 2000. Intensification, Extension and Complexity of Teachers' Workload. *British Journal of Sociology of Education*. 21(1):43-59.
- Faizah Abdul Majid. 2011. *Journal of US-China Education Review*, Vol.8, No.10, ISSN1548-6613
- Frederick Herzberg. 1996. Herzberg-Still a Key to Understanding Motivation, Donald Cameron Training Officer, Vol.32 no.6, 184-186.



- Gunter, H., Rayner, S., Thomas, H., Fielding, A., Butt, G. dan Lance, A. 2005. Teachers, Time and Work: Findings from the Evaluation of the Transforming The School Workforce Pathfinder Project. *School Leadership and Management*. 25(5):441-454.
- Jabatan Pelajaran Negeri Sabah. 2007. *Surat Pekeliling Jabatan Pendidikan Sabah: Pelaksanaan jadual bersepadu sekolah menengah satu sesi*. Kota Kinabalu. Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.
- Keller, J. 2002. Human Performance Modelling for Discrete-event Simulation: Workload. Dalam Yucesan, E. Chen, C.-H., Snowdown, J.L., and Charnes, J.M. 2002. *Proceedings of the 2002 Winter Simulation Conference*. 8-11 Disember. Manchester Grand Hyatt, San Diego.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1986. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986: Panitia mata pelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua guru adalah guru disiplin*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lumpkin, A. 2007. Caring Teacher: *The Key to Student Learning*. Kappa Delta Pi Record. 43(4):158-160.
- Liew Siew Fong. 2004. *Tekanan kerja guru-guru SJKC di zon Pudu, Kuala Lumpur*. Projek Penyelidikan bagi Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Saudi Abd. Rahman. 1999. *Beban tugas guru di kalangan guru sekolah menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Othman. 2002. *Menjejak kualiti menjana kecemerlangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Sahandri Gani Hamzah. 1998. *Analisis perbandingan pola komitmen kerja guru pelatih tesis doktor falsafah*, Uni.Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- Nelms, B.F. 1993. The Arithmetics of Teacher Workloads. *English Journal*. 82(2):92-93
- Nelson, F.H. 1994. Conditions of Employment for Teachers in the United States. *The Clearing House*. 68(2):82-89.
- National Union of Teacher. 2006. Teachers' Working Time and Duties: An NUT Guide. Europe: NUT. Diakses daripada laman web [www.teachers.org.uk](http://www.teachers.org.uk). Pada 20 Julai 2008.
- Norasmah Othman dan Hariyaty Ab.Wahid. 2006. *Ciri-ciri keusahawanan dan gaya pemikiran keusahawanan pengetua*. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki. Jil.16, 13-38.
- Siti Rodziah Kadir. 1982. *Beberapa faktor yang mempengaruhi ketegangan serta kesannya ke atas guru-guru*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sapora Sipon. 2007. *Keberkesanan kaunseling kelompok pemusatan insan, rasional emotif tingkah laku dan psikologi kognitif ad-Din ke atas tahap tekanan, kepuasan kerja, strategi berdaya tindak dan sokongan sosial guru*. Tesis Dr.Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saedah Siraj dan Nurhayati Ishak. 2006. Peningkatan Kualiti Pengajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Di Aceh. *Prosiding persidangan antarabangsa pembangunan Aceh*. 26-27 Disember. UKM. Bangi.
- Webb, C. A. 1995. Teaching Time. *English Journal*. 84(7):102.
- Zakiah Arshad. 2003. *Stress kerja di kalangan guru-guru sekolah rendah: Satu kajian di zon Bandar, Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Sumber dari internet:

<http://eprints.utm.my/view/types/thesis.html>

<http://deriakacamata.blogspot.com/2010/04/beban-tugas-guru.html>